

07/10/2003

Keluhuran Perlembagaan atasi kepentingan politik

Khairul Anwar Rahmat

JARANG sekali inti pati ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tidak mendapat reaksi pemimpin kerajaan, ahli politik, aktivis sosial dan badan bukan kerajaan (NGO).

Oleh itu, agak memeranjatkan juga apabila ucapan beliau pada majlis pelancaran Perlembagaan Persekutuan Teks Bahasa Kebangsaan minggu lalu tidak disentuh atau diulas mereka kecuali Minda Pengarang akhbar ini.

Pada 30 September lalu, hampir semua akhbar utama tanah air menyiarkan ingatan Pak Lah mengenai bahaya keinginan pihak tertentu yang mempunyai kepentingan politik sempit, untuk melaksanakan undang-undang yang terkeluar daripada kerangka digariskan Perlembagaan Persekutuan.

Biasanya, laporan sedemikian mempunyai nilai berita yang tinggi dan pasti menerima reaksi pelbagai pihak apatah lagi ia diucapkan pemimpin yang bakal mengambil alih kepemimpinan negara.

Justeru, beberapa andaian boleh dibuat mengenai sikap dingin rakyat Malaysia berhubung isu penting yang disentuh pada majlis yang sangat bermakna dalam sejarah perundangan negara.

Pertama, besar kemungkinan kita tidak memahami atau kurang mengerti apa yang tersirat di sebalik amaran Pak Lah.

Kedua, mungkin rakyat tidak dapat melihat signifikan dan kaitan di antara majlis pelancaran Perlembagaan Persekutuan Teks Bahasa Kebangsaan dan apa yang diucapkan Pak Lah.

Ketiga, mungkin juga ada yang menganggap isu itu sebagai remeh dan tidak perlu diberi perhatian.

Hakikatnya, Timbalan Perdana Menteri memberi amaran kepada rakyat Malaysia supaya berwaspada dengan keinginan pihak tertentu yang boleh memusnahkan asas dan landasan negara.

Beliau memberikan ilustrasi mengenai agenda politik golongan tidak bertanggungjawab yang mahu meruntuhkan institusi sosial masyarakat yang selama ini hidup aman, harmoni dan saling bertoleransi.

Pengamal undang-undang, Noorhishyam Abdul Aziz, berpendapat Pak Lah benar-benar bimbang mengenai tindakan pihak tertentu yang tidak menghormati undang-undang seperti digariskan Perlembagaan Persekutuan.

"Beliau (Pak Lah) sudah dapat menghidu huru-hara yang mungkin berlaku dalam negara jika kita tidak menyekat kecenderungan pihak tertentu melaksanakan undang-undang yang terkeluar daripada kerangka Perlembagaan.

"Golongan ini ingin melaksanakan undang-undang sendiri yang memusnahkan sistem sosial masyarakat majmuk yang harmoni, menimbulkan ketegangan antara kaum dan boleh merosakkan masa depan negara," katanya.

Perlembagaan Persekutuan mempunyai kedudukan yang sangat istimewa dalam hierarki pentadbiran negara.

Sebagai undang-undang utama dan tunjang bagi seluruh persekutuan, ia mengandungi peruntukan yang jelas mengenai konsep pengasingan kuasa di antara badan eksekutif, perundangan dan kehakiman.

Perlembagaan juga menjamin hak dan kepentingan setiap individu, kaum serta agama di negara ini, selain peruntukan menyeluruh dan merangkumi segenap aspek tata negara.

Atas dasar itu, rakyat perlu menolak sesiapa saja yang mahu mencabar sistem yang selama ini terbukti membawa kesejahteraan kepada negara.

Ketua Penerangan Umno Johor, Datuk Mohamed Khaled Nordin, berkata semua pihak sama ada pemimpin kerajaan, ahli politik dan pertubuhan bukan kerajaan perlu menyahut amaran Pak Lah dengan keazaman yang ikhlas.

"Kita sokong amanat Pak Lah bukan kerana beliau Timbalan Perdana Menteri, tetapi hakikat bahawa rakyat yang faham dan bertanggungjawab akan menolak tindakan yang lahir di luar kerangka Perlembagaan.

"Agenda dan matlamat sempit yang dilaksanakan di luar batasan undang-undang adalah punca ketidakstabilan sesebuah negara dan mesti kita tolak dengan tegas," katanya.

Mohamed Khaled yang juga lulusan undang-undang dari Universiti Malaya berharap rakyat Malaysia memahami apa yang cuba Pak Lah suarakan mengenai ancaman buruk jika masyarakat merestui tindakan di luar batasan Perlembagaan.

Katanya, jika dibiarkan golongan ini bertindak lebih jauh sehingga mencabar keseluruhan undang-undang negara.

"Mereka buat undang-undang sesuka hati, tubuhkan pasukan penguat kuasa sendiri dan melaksanakannya juga sendirian. Saya minta golongan berkenaan jangan buat negara ini sesuka hati kerana kita ada Perlembagaan yang perlu diletakkan di atas, dihormati dan dipatuhi.

"Saya bukan menolak hukum hudud. Apa yang kita tolak ialah `hudud politik' yang dilaksanakan di luar jaringan undang-undang dibenarkan. Saya harap semua pihak memahami apa yang disuarakan Pak Lah.

"Dalam hal ini, kita perlu ketepikan kepentingan politik dan agenda peribadi. Jika negara ini berpecah-belah dan hancur akibat sikap rakyat yang tidak menghormati undang-undang, politik sudah tidak ada makna lagi," katanya.

Sudah menjadi lumrah politik di Malaysia, isu agama sering dimanipulasi dan dieksploitasi pihak yang bertentangan dengan kerajaan. Apa yang digendang dan selalu dipalu ialah kononnya kerajaan menolak ajaran Islam.

Namun, majoriti rakyat Malaysia sedar akan hakikat yang berlaku. Mereka bijak membuat keputusan dan menolak sebarang dakwaan yang melulu dan tidak berasas.

Sudah banyak kali ditegaskan pemimpin negara terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pak Lah bahawa Malaysia adalah negara Islam dengan Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Hakikat ini sangat jelas dan tidak boleh dinafikan mana-mana pihak sekalipun.

Jika ditelusuri sejarah, sejak dulu kerajaan sudah menerapkan kepentingan nilai Islam walaupun pengumuman rasmi mengenai Malaysia negara Islam kerap diulang sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Beberapa dasar dan konsep yang diperkenalkan kerajaan sangat konsisten dan selari dengan falsafah agama Islam terutama amalan `Kepimpinan Melalui Teladan', `Bersih, Cekap, Amanah' serta memerangi gejala rasuah, pecah amanah, salah guna kuasa dan sikap malas bekerja.

Sebagai pengamal ajaran Islam yang fundamental, kita wajib bersifat sederhana. Islam adalah agama yang indah, bertoleransi dan menitikberatkan perpaduan serta kesejahteraan.

Selama ini, kerajaan sudah melakukan apa yang terbaik serta mengamalkan ciri dan nilai pentadbiran Islam. Kejayaan pemimpin mengurus negara dengan baik menyebabkan agama Islam diterima dengan baik dan tanpa prejudis oleh penganut agama lain.

Lebih daripada itu, prinsip undang-undang yang berasaskan Perlembagaan Persekutuan sudah meletakkan negara pada tahap terbaik, terutama dari sudut keharmonian dan keadilan sosial.

Bagaimanapun, kesejahteraan yang kita nikmati pada hari ini hanya dapat dikekalkan jika setiap warga negara berpegang kepada prinsip keluhuran perlembagaan. Jika prinsip ini difahami dan dihormati, peruntukan seperti kedudukan agama Islam, bahasa Melayu, peranan Raja Melayu dan hak serta keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera akan mudah diterima oleh semua pihak.

Pak Lah memilih mengingatkan rakyat Malaysia mengenai keluhuran perlembagaan pada masa dan suasana yang tepat, iaitu pada majlis yang sangat bermakna bagi pengamal undang-undang dan sistem perundangan negara. Ini adalah kali pertama versi sahih Perlembagaan Persekutuan dikeluarkan dalam Bahasa Kebangsaan selepas ia digubal dalam bahasa Inggeris sejak 46 tahun lalu.

Pada majlis bersejarah itu, beliau menyampaikan amanat penting kepada seluruh rakyat Malaysia supaya memelihara keharmonian yang dipupuk sejak berpuluh-puluh tahun dulu.

Diharapkan semua pihak terutama pemimpin kerajaan dan NGO dapat menyemarakkan amanat Pak Lah sehingga ke peringkat akar umbi. Amanat penting bakal Perdana Menteri tidak boleh dianggap remeh dan dipandang ringan.

Seperti diungkapkan Pak Lah pada akhir ucapannya, setiap warga negara mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk mempertahankan kedudukan Perlembagaan demi menegakkan kedaulatan dan kemerdekaan negara. 'Runtuh Perlembagaan, runtuhlah negara'.